

Perpaduan parti perlu diperkukuh — Mahathir

KUALA LUMPUR 26 Okt. — Presiden UMNO, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan betapa pentingnya perpaduan parti diperkukuhkan agar ia dapat memainkan peranan dinamis sebagai jentera pendorong ke arah perkembangan dan kemajuan yang lebih pesat di masa hadapan.

Perdana Menteri juga mahu supaya diperbaharui tekad dan azam untuk mempertahankan serta memperkukuhkan parti UMNO bagi memenuhi tanggungjawabnya yang keramat, sebagai benteng bangsa dan negara.

"Adalah kewajiban kita menjaga dan mempertahankan parti daripada dihancurkan oleh unsur - unsur tertentu, agar kita dapat meneruskan perjuangan menyatu-padukan bangsa serta rakyat, demi mencapai kemakmuran dan kebahagiaan hidup," katanya di dalam buku cenderamata sempena Perhimpunan Agung UMNO 1988.

UMNO, tegas Datuk Sri Dr. Mahathir, akan tetap memenuhi tanggungjawabnya serta kewajibannya sebagai pelindung bangsa Melayu, melanjutkan warisannya yang dipusakai dari generasi - generasi sebelumnya untuk mempertahankan kedaulatan dan kemuliaan bangsa serta agama.

Beliau berkata, perhimpunan agung UMNO 1988 ini akan mencatat sejarah kerana ia akan membina

cang dan merumuskan perlembagaan parti.

Menurutnya, sesebuah perlembagaan perlu disesuaikan dengan keperluan dan keadaan semasa kerana perlembagaan bukanlah sesuatu yang mati dan beku.

"Perlembagaan berupa lunas - lunas untuk menjivai pertubuhan yang bergerak maju bagi mencapai kemajuan dan kesejahteraan," ujar beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir menambah, oleh itu, perlembagaan parti ialah sesuatu yang hidup, dinamis dan fleksibel, untuk memenuhi hasrat dan aspirasi ahli - ahlinya bergerak dan berjuang ke arah mencapai cita - cita bangsa dan negara.

Perdana Menteri menyatakan, semenjak UMNO ditubuhkan pada tahun 1946, perlembagaan parti telah melalui berbagai perubahan dan segalanya ditujukan untuk melengkapkan parti dengan syarat - syarat yang diperlukannya demi membimbing dan mengemblem rakyat mencapai cita - cita perjuangannya.

Beliau yakin, cita - cita untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan negara industri akan tercapai sekiranya perpaduan dapat diperkukuhkan.

"Demi masa depan bangsa dan negara, marilah kita membaharui tekad dan azam untuk mempertahankan dan memperkukuhkan parti kita," katanya.